



Protection visa

Ubah perbualan mengenai Protection visas

Protection visa (subkelas 866) adalah untuk pencari suaka benar yang menghadapi risiko sebenar ancaman ketara atau penindasan di negara asal mereka.

Kerajaan Australia sedang menyediakan **akses kepada nasihat guaman percuma** untuk orang-orang yang berfikir untuk memohon Protection visa. Nasihat tersebut akan membantu bakal pemohon mengetahui sama ada mereka layak dan mengurangkan risiko orang ramai menggunakan penasihat migrasi tidak berdaftar yang mungkin memberi nasihat yang tidak betul.

Lembaran fakta ini menyediakan maklumat dan butiran yang penting untuk mereka yang berfikir tentang memohon Protection visa.

Apakah fakta-fakta itu?



Protection visas adalah untuk **pencari suaka yang benar**. Ia bukan untuk mereka yang hanya ingin tinggal lebih lama di Australia untuk bekerja



Memberi maklumat palsu dalam permohonan Protection visa boleh membawa kepada **hukuman penjara dan denda besar**



Sekiranya permohonan Protection visa anda ditolak, ia mungkin sukar untuk anda dan keluarga anda **kembali ke Australia**



Purata kadar penolakan untuk Protection visa **melebihi 85%**



Permohonan Protection visa daripada warganegara beberapa negara di Asia Tenggara mempunyai kadar penolakan yang paling tinggi. Kebanyakan negara ini, lebih daripada 95% permohonan yang dimuktamadkan pada 2023-24 **tidak memenuhi keperluan dan telah ditolak**



Jangan membenarkan sesiapa memohon Protection visa untuk anda tanpa memahami apa yang anda mohon dan maklumat yang diberikan



Anda mesti memastikan bahawa semua maklumat dalam permohonan anda adalah benar, walaupun orang lain yang melengkapkan dan mengajukan permohonan ini untuk anda.

Kelayakan

Protection visa adalah untuk orang (atau ahli keluarga mereka) yang **menghadapi risiko sebenar ancaman yang ketara** jika mereka pulang ke negara asal mereka atau peluang nyata penganiayaan yang berdasarkan:

- bangsa
- agama
- kewarganegaraan
- keahlian kumpulan sosial tertentu atau
- pendapat politik

Maklumat salah

Terdapat banyak maklumat salah tentang Protection visas telah diberikan kepada ramai orang yang tinggal di Australia dan seberang laut, ini membawa **akibat yang serius** kepada pemohon Protection visa dan keluarga mereka. Protection visas adalah untuk pencari suaka yang benar. **Ia bukan** untuk mereka yang hanya ingin tinggal lebih lama di Australia untuk bekerja.

Kebanyakannya permohonan baru Protection visa, kini diputuskan hampir 8 kali lebih cepat berbanding dengan tahun-tahun kbelumakangan ini.

Memberi maklumat palsu atau mengelirukan

Adalah penting untuk memahami bahawa sekiranya anda mengemukakan dokumen palsu atau, memberi maklumat yang palsu atau mengelirukan dalam permohonan Protection visa, **anda mungkin menghadapi denda besar dan penjara sehingga 10 tahun**.

Jika anda ditolak Protection visa

Sekiranya permohonan Protection visa ditolak dan anda tidak mempunyai visa yang sah, **anda perlu meninggalkan Australia**. Jika anda tidak mempunyai visa yang sah, anda mungkin ditahan dan diusir dari **Australia oleh Australian Border Force (Angkatan Sempadan Australia)**



Protection visa

Ubah perbualan mengenai Protection visas

Jangan memohon Protection visa tanpa terlebih dahulu mendapat nasihat guaman percuma [free legal advice](#) daripada pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen.



Perkara yang perlu diingati

- Akses [nasihat guaman percuma \(free legal advice\)](#) daripada pengamal undang-undang dan **pakar orang pelarian dan imigresen** di negeri atau wilayah anda.
- Untuk mengetahui **maklumat yang lebih lanjut** tentang Protection visas, layarilah laman web [homeaffairs.gov.au/protection](#)
- Dapatkan **agen migrasi berdaftar** demi memastikan nasihat imigresen adalah sah dengan mengunjungi [Pejabat Pihak Berkuasa Pendaftaran Agen Migrasi \(OMARA\)](#)
- Lindungi diri anda dan komuniti anda. **Laporkan penasihat migrasi tidak berdaftar** secara tanpa memberi nama anda, kepada [Pengawasan Sempadan Australia](#)
- Untuk mengetahui sama ada terdapat **pilihan visa lain** yang sesuai untuk anda, kunjungi [Halaman Pencari Visa](#) dalam laman web Hal Ehwal Dalam Negeri.



Akibat permohonan yang ditolak

Suatu Permohonan Protection visa yang ditolak di Australia akan **kekal dalam rekod imigresen anda**. Ia mungkin menyulitkan anda dan keluarga anda untuk melawat Australia pada masa depan dan boleh menjadikan permohonan visa ke negara lain di seluruh dunia, bergantung pada jenis visa yang anda mohon. Anda tidak akan dibenarkan memohon kebanyakan visa lain sewaktu anda masih berada di Australia.

Agen Migrasi

Di Australia, agen-agen migrasi mesti berdaftar dengan [Pejabat Pihak Berkuasa Pendaftaran Agen Migrasi \(OMARA\)](#). Anda boleh mengunjungi laman web untuk **menyemak sama ada agen telah berdaftar**.

Adalah satu **kesalahan undang-undang** jika seseorang mengenakan bayaran untuk nasihat migrasi melainkan mereka adalah agen migrasi berdaftar atau pengamal undang-undang Australia. Membayar untuk nasihat daripada seseorang yang bukan agen migrasi berdaftar atau pengamal guaman Australia, menunjukkan bahawa anda telah bertindak atas maklumat salah, mungkin **menjadi risiko peluang anda tinggal** di Australia.

Penasihat migrasi yang tidak berdaftar sering mengiklankan perkhidmatan mereka di media sosial dan dalam kumpulan sembang dalam talian. Mereka kadangkala memberitahu pemohon untuk memberi maklumat yang palsu atau mengelirukan ataupun memberi dokumen palsu apabila memohon Protection visa, dan ada yang **mengenakan bayaran yang banyak** untuk nasihat yang tidak betul.

Jika **seseorang cuba memberi anda nasihat** imigresen yang salah di sisi undang-undang, anda boleh memberitahu kami dengan menggunakan [Border Watch Online Report](#) (Laporan Dalam Talian Pengawasan Sempadan). Anda tidak perlu memberi nama anda.

Peranan Komuniti

Komuniti yang tinggal di Australia memainkan peranan penting untuk **mencegah penyebaran maklumat** salah kepada mereka yang sedang berfikir memohon Protection visa, termasuk memberitahu bakal pemohon bahawa sebenarnya **Protection visa bukan visa bekerja**.

Komuniti boleh membantu memupuk kesedaran tentang **risiko mengemukakan maklumat yang palsu atau mengelirukan** dalam permohonan Protection visa, serta jika melibatkan penasihat migrasi yang tidak berdaftar.

Jika seseorang yang memohon Protection visa meminta anda menulis surat sokongan untuk mereka, anda hanya perlu melakukan ini jika anda percaya mereka adalah **pencari suaka benar** yang menghadapi risiko sebenar ancaman ketara atau mereka menghadapi peluang nyata penganiayaan jika mereka pulang.

Manggalakkannya orang tersebut mengakses [nasihat guaman percuma \(free legal advice\)](#) daripada pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen di negeri atau wilayah mereka.

Layarilah lama web
[homeaffairs.gov.au/protection](#)
untuk mengetahui lebih lanjut



Australian Government